



## ZAKAT PULAU PINANG

### Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

#### NOTIS JAWATAN KOSONG

**ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP** merupakan sebuah organisasi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Visi kami adalah untuk menjadi sebuah organisasi terunggul dan berwibawa dengan bermisikan pengurusan dana zakat dengan adil, cekap, telus dan berkesan serta menyedar dan mendidik umat Islam untuk menunaikan kewajipan berzakat di Zakat Pulau Pinang, MAINPP ke arah kesempurnaan ibadah. Sebagai makluman, Zakat Pulau Pinang, MAINPP mempunyai tujuh buah kaunter cawangan selain di Ibu Pejabat di Bandar Perda, Bukit Mertajam bagi memberi kemudahan kepada masyarakat Islam khususnya di Pulau Pinang bagi mendapatkan perkhidmatan pembayaran zakat mahupun bantuan daripada sumber zakat. Untuk memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai, kami memerlukan calon-calon bagi mengisi kekosongan di seluruh daerah di negeri Pulau Pinang yang berkebolehan dan bermotivasi tinggi serta berminat untuk membina kerjaya dengan kami.

#### PENYELIA KAUNTER

##### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 1.0 Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang masih belum bekerja / mempunyai pekerjaan tetap yang memiliki STAM / Diploma dalam dengan kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara dalam bidang Pengajian Islam atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Terbuka juga kepada pemegang Diploma Tahfiz Al-Quran dari mana-mana Institut Pengajian.
- 2.0 Calon-calon mestilah lulus sijil SPM / SPMV dengan memiliki sekurang-kurangnya kredit dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (termasuk Ujian lisan) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 3.0 Calon-calon juga perlu mempunyai pengetahuan asas tentang agama khususnya ilmu berkisar pengurusan zakat.
- 4.0 Keutamaan akan diberi kepada calon lelaki.

## **GAJI & ELAUN**

Gaji Pokok RM 1,350.00 sebulan serta Elaun Sara Hidup RM 300.00 sebulan.

## **KEKOSONGAN**

- i) 3 kekosongan di Daerah Barat Daya dan Timur Laut.
- ii) 3 kekosongan di Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

## **STATUS JAWATAN**

Jawatan adalah secara kontrak sebelum diserapkan ke jawatan tetap berdasarkan penilaian prestasi calon. Tempoh percubaan adalah selama 6 bulan dari tarikh masuk kerja.

## **CARA MEMOHON**

Calon-calon yang berminat adalah dipelawa mengisi **Borang Permohonan Jawatan dan mengemukakan surat permohonan dengan menyatakan jawatan yang dipohon beserta keterangan peribadi yang lengkap (resume/curriculum vitae) mengenai kelayakan dan pengalaman, salinan sijil-sijil akademik dan transkrip akhir, kad pengenalan, sijil kelahiran, nombor telefon untuk dihubungi dan sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) selewat-lewatnya pada 31 Julai 2014 kepada :**

**PENGURUS BESAR  
ZAKAT PULAU PINANG  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG  
NO 4, JALAN PERDA SELATAN, BANDAR PERDA  
14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG**

**Borang Permohonan Jawatan** boleh diperolehi di alamat website <http://www.zakatpenang.com> atau di Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang. Hanya permohonan yang **LENGKAP** sahaja akan diproses. Semua permohonan adalah **SULIT** dan hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan calon adalah dikira **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak menerima sebarang maklumbalas dari Zakat Pulau Pinang **3 bulan** dari tarikh iklan ditutup.